



23 JUN, 2022

## Tukang kayu merana identiti disalah guna

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3

# Tukang kayu merana identiti disalah guna

Tanggung hutang hampir setengah juta selepas maklumat peribadi digunakan untuk perjanjian penyewaan dua premis

Oleh **MOHD ISKANDAR OTHMAN**  
**BUKIT MERTAJAM**

Seorang tukang kayu buntu selepas terpaksa berdepan dengan tindakan mahkamah berikutan maklumat peribadi miliknya digunakan pihak tidak bertanggungjawab untuk perjanjian penyewaan dua premis di Bukit Mertajam dan Butterworth.

Ang Siang Ping, 26, berkata, dia terpaksa menanggung hutang hampir RM500,000 dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) selepas identitinya disalah guna termasuk didakwa telah mengubah suai meter untuk aktiviti perlombongan mata wang elektronik bitcoin.



**Steven Sim (kiri) mendengar keluhan Siang Ping (kanan) selepas identitinya disalahgunakan hingga menyebabkan dia terpaksa berdepan dengan tindakan mahkamah.**

Menurutnya, dia tidak pernah menandatangani perjanjian menyewa kedua-dua premis berkenaan apatah lagi mendaftar namanya untuk pemasangan meter elektrik dengan TNB.

Siang Ping percaya identitinya digunakan selepas pernah kehilangan kad pengenalan pada Januari 2017.

“Saya menyedari mengenai masalah ini selepas tidak dapat mengeluarkan wang di sebuah bank pada

Februari tahun lalu dan dimaklumkan yang akaun bank telah dibekukan berikutan terdapat kes sivil yang difailkan terhadap saya.

“Sebulan kemudian saya dimaklumkan telah menyebabkan seorang tuan rumah kerugian RM230,611 kononnya telah mengubah suai meter TNB di rumahnya sedangkan saya langsung tidak mengenali dia dan tidak pernah terlibat dengan perjanjian penyewaan rumah,”

katanya ketika ditemui di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Mertajam di sini pada Rabu.

Siang Ping berkata, perkara sama sekali lagi berlaku pada November tahun lalu apabila dia menerima saman mahkamah untuk satu kes sivil kerana berhutang RM234,747 dengan TNB atas penyewaan premis kedai di Butterworth.

Katanya, walaupun dia tidak terlibat dengan penyewaan kedua-dua premis berkenaan, namun kini dia terpaksa berdepan dengan prosiding mahkamah atas perkara yang dia tidak lakukan.

Berikutan kes terbabit, dia kini menghadapi pelbagai kesukaran termasuk tidak dapat membeli kenderaan dan rumah.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Steven Sim Chee Keong berharap orang ramai lebih berhati-hati menjaga maklumat dan butiran peribadi daripada disalah guna oleh individu tidak bertanggungjawab

“Masyarakat juga perlu menjaga kerahsiaan maklumat peribadi supaya tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab,” ujar beliau.